

17/02/2000

Sambutan swasta menggalakkan

MELAKA, RABU - Kerajaan negeri berpuas hati dengan sambutan sektor swasta untuk menjayakan Festival Pelancongan Melaka bermula pada 18 Februari ini.

Setakat ini, 76 kaunter daripada 100 lot yang disediakan oleh pihak penganjur, sudah ditempah.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata beliau berpuas hati dengan sambutan itu dan berharap lebih banyak syarikat swasta akan berbuat demikian menjelang perasmian yang akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Beliau berkata, bagi memastikan perasmian festival itu berjalan lancar, satu upacara raptai akan diadakan esok di KLCC.

"Saya berharap majlis perasmian itu dapat dilakukan dengan gemilang kerana program itu julung kali diadakan oleh kerajaan negeri," katanya di sini, hari ini.

Mohd Ali berkata sepanjang seminggu festival itu diadakan, beberapa seminar, dialog dan majlis perjanjian persefahaman akan dilakukan oleh wakil kerajaan negeri dengan pihak swasta.

Katanya, festival itu diharapkan dapat menarik minat lebih ramai pelawat dan pelancong untuk mengunjungi Melaka.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga berharap pelancong akan berpuas hati semasa mengunjungi Melaka kerana bersesuaian dengan moto festival kali ini, iaitu 'Melawat Melaka Bererti Melawat Malaysia'.

(END)